



Pembangunan Individu Membentuk Kecemerlangan Organisasi

PENGENALAN:

Kursus ini direka khas untuk memperkasakan jati diri individu terutamanya dalam menghadapi norma baharu yang amat mencabar pada masa kini. Bagi mengelakkan implikasi negatif berlaku, anda perlu mempunyai kesedaran dan tanggungjawab yang tinggi dari segi mental mahupun fizikal. Di dalam situasi norma baru, ahli organisasi perlu berganding bahu agar lebih bersemangat waja dan kental. Motivasi dalaman yang kental akan membolehkan peserta melaksanakan tanggungjawab baru dalam dunia dan situasi baru.

Kursus ini akan memberikan perspektif tentang apa yang sepatutnya ada apabila mahu membentuk jati diri, apakah matlamat peribadi kita dan bagaimana kita mahu memastikan perkara yang kita impikan itu tercapai, agar kita dapat menempuhi segala permasalahan yang mendatang. Di samping itu, ia dapat mengubah corak minda dan kecemerlangan yang tinggi untuk menerajui anjakan profesionalisma individu.

HASIL PEMBELAJARAN:

Pada akhir kursus ini, anda dapat:

- Mempertingkatkan semangat dan berfikiran positif dengan perubahan yang berlaku.
- Mengasah kemahiran diri dan mewujudkan pemikiran di luar kotak
- Mencari idea idea baru untuk mempertingkatkan ekonomi dengan jati diri yang kental
- Mencari anak kunci untuk kecemerlangan hidup dan keseronokan dalam persekitaran baru dan suasana baru
- Memahami kepentingan penjenamaan diri
- Mengetahui 4 elemen penjenamaan diri
- Memahami Gaya Komunikasi diri di tempat kerja
- Mengetahui 4 ciri-ciri komunikasi yang ada
- Memahami kepentingan pembinaan jati diri

MODUL KURSUS

Modul 1: Bersedia Dari Segi Mental Dan Fizikal

- Jika anda sentiasa bersedia di dalam segala aspek, anda akan sentiasa berfikiran positif dan terbuka dalam melakukan sesuatu perkara.

Modul 2: Eratkan Perhubungan Dengan Rakan Rakan Dan Ahli Keluarga

- Berkawan dan mengeratkan perhubungan dapat mengendalikan tekanan dan memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran diri, sosial dan komunikasi.

Modul 3: Respon Dengan Segera

- Respon dengan segera dapat menjadikan kerja menjadi lebih efisien dan di selesaikan dengan cepat. Jika kita Berjaya dapat menyelesaikan sesuatu dengan pantas dan cekap, berilah penghargaan kepada diri sendiri.

Modul 4: Semangat Proaktif, Efektif Dan Penegasan (Assertive)

- Sentiasa bersemangat dalam melakukan apa sahaja perkara dan perlu bijak menangani stress.

Modul 5: Agresif – Dalam Melaksanakan Tugas Kendiri

- Lebih bersedia dan komited dalam melaksanakan tugas yang diberikan serta mendidik diri supaya amanah dalam semua hal.

Module 6: Minda Menang – Menang Dalam Menangani Norma Baru

- Mewujudkan pemikiran yang sihat dalam menangani cabaran yang mendatang dan mampu memotivasikan diri.

Module 7: Amalan Peningkatan Berterusan Dalam Kemahiran Dan Kompetensi

- Amalan ini mampu membuka peluang yang luas dan memberi impak terhadap sesuatu tindakan yang dilakukan kerana anda boleh menentukan arah kehidupan dengan lebih jelas.

Modul 8: Konsep Profesionalisma Dalam Norma Baru

- Selain melengkapkan diri dengan konsep profesionalisma, anda perlu jelas dengan cabaran – cabaran terkini dan melihat kecenderungan diri anda. Anda perlu menyediakan perkhidmatan dan memastikan persekitaran berkualiti seiring dengan nilai profesionalisma yang diterapkan.

Modul 9: Imej Diri yang Baru

- Menjaga ketrampilan diri dan imej supaya memberi impresi yang bagus kepada sesiapa yang memandang.

Modul 10: Pengurusan Masa

- Memastikan pengurusan masa anda efektif kerana ada sesetengah daripada kita terlibat dengan sektor yang mempunyai waktu dan tempoh yang berbeza dengan yang lain.

Modul 11: Konsep Etika Kerja Gemilang

- Konsep syahadah, persoalan amanah dan kerajinan perlu diterapkan. Selain itu, konsep tanggungjawab dan pertanggungjawab di dalam individu dan organisasi juga perlu

Modul 12: Membentuk Sahsiah Diri Dalam Norma Baharu

- Mempelajari 4 peringkat dalam mempertingkatkan ekonomi dan membina kepercayaan diri/rakan.

Module 13: Sokongan dan Dorongan

- Ahli keluarga, rakan – rakan, pengalaman, idea, keperluan dan kehendak akan menjadi sokongan dan dorongan dalam melakukan sesuatu perkara.

Module 14: Asas Komunikasi Berkesan

- Apakah komunikasi yang berkesan dan apakah kaedahnya (Verbal / Non-Verbal)

Modul 15: Komunikasi Berkesan

- Kepentingan komunikasi efektif
- 4 jenis komunikasi
- Ciri-ciri komunikasi dan cara untuk beradaptasi

Modul 16: Asas Pembinaan Jati Diri

- Kepentingan pembinaan jati diri
- 4 impian peribadi
- Teknik SMART dalam menyusun impian peribadi

Modul 17: Pengurusan Masa

- Kepentingan Masa dan cara pengurusan masa efektif

Modul 18: Pengurusan Stres

- Punca dan solusi Stres

Modul 19: Pengurusan Kewangan

- Mindset membina kewangan
- Memahami cashflow
- Misi-misi dalam pengurusan kewangan

Module 20: Matlamat Diri

- 4 Kategori Matlamat
- Kesatuan Matlamat
- Pengurusan matlamat jangka pendek dan panjang

GOLONGAN SASARAN:

Kursus ini sesuai untuk penyelia, kerani, eksekutif di dalam sesebuah syarikat.

METODOLOGI

E-Pembelajaran Lekapan Diri (TALENT LMS) - Libatkan Kajian Kes yang boleh dipraktikkan dengan segera di dalam organisasi anda.

